

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA TAHUN BARU 1997

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 31 DEC 1996

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Syukur Alhamdulillah, walaupun ribut kencang yang meragut lebih seratus nyawa dan menyebabkan kehilangan harta benda menimpa Sabah Khamis lalu, namun tahun 1996 yang tamat pada hari ini adalah satu tahun yang pada keseluruhannya bersejarah bagi negara kita. Keamanan dan kestabilan negara berterusan sepanjang tahun 1996 dan ekonomi negara juga turut mencapai pertumbuhan yang tinggi iaitu lebih daripada lapan peratus. Di masa yang sama inflasi terkawal pada paras yang rendah. Rakyat yang ingin bekerja tetap berpeluang mendapat kerja dengan pendapatan yang agak tinggi.

2. Pada tahun 1996 juga kita telah melancarkan Rancangan Malaysia Ketujuh dan satu projek yang canggih iaitu Koridor Raya Multimedia. Pelan Induk Perindustrian yang kedua diumumkan pada bulan November 1996.

3. Suatu peristiwa yang boleh semua rakyat berbangga ialah pelancaran Measat II, sebuah lagi satelit canggih untuk komunikasi dan penyiaran. Pemilikan dan pelancaran satelit ini di Kourou, Guiana Perancis, menandakan kemampuan dan kecanggihan syarikat milik rakyat Malaysia.

4. Bidang industri pembuatan tempatan mengambil satu langkah yang penting apabila motosikal nasional Kriss dikeluarkan dan mendapat sambutan yang baik. Sementara Perodua melancarkan van Rusa, Proton pula telah berjaya membeli syarikat 'sports car' British yang terkenal - iaitu Lotus Cars. Baru-baru ini PROTON telah mencipta sejarah dengan jumlah pengeluaran keretanya sebanyak satu juta. Pada tahun 1996 juga buat kali pertama seorang anak watan kita dilantik sebagai Presiden, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

5. Pertumbuhan ekonomi pada paras lebih daripada lapan peratus bagi tahun 1996 telah meningkatkan pendapatan per kapita kepada 4,457 dollar Amerika iaitu bersamaan dengan Ringgit Malaysia 11,118 seorang. Jika dihitung mengikut peningkatan kuasa membeli pula, pendapatan per kapita kita adalah sama dengan kuasa beli 12,508 dollar Amerika di Amerika Syarikat. Ini adalah kerana kos sara hidup di Malaysia jauh lebih rendah. Dengan perkataan lain walaupun upah bagi rakyat Malaysia agak rendah berbanding dengan upah kerja rakyat Amerika untuk kerja yang sama, tetapi barangan yang boleh dibeli oleh rakyat Malaysia tidaklah terlalu kurang berbanding dengan yang boleh dibeli oleh rakyat Amerika atau rakyat negara-negara maju yang lain. Tetapi kos pengeluaran barangan kita tetap rendah kerana upah dan kos lain yang juga rendah. Dengan itu, barangan kita dapat terus bersaing di pasaran dunia. Inilah strategi kita bagi memajukan ekonomi negara.

6. Tahun 1996 nampaknya begitu baik bagi Malaysia dan rakyatnya. Banyak kemajuan yang telah dicapai.

7. Kita patut bersyukur dengan kejayaan dan pencapaian negara kita. Namun kejayaan tidak harus menjadikan kita leka, angkuh dan lupa daratan. Sebaliknya kejayaan ini hendaklah menguatkan lagi semangat dan iltizam kita untuk berusaha dengan lebih gigih kerana hanya dengan usaha yang lebih kuat sahaja baharulah dapat kita menentukan negara terus berjaya. Kejayaan yang berterusan ini perlu kerana kita berminat untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 dan tahun 2020 hanyalah 24 tahun lagi.

8. Kerajaan adalah komited untuk terus membawa kemajuan dan kemakmuran yang lebih besar kepada negara di samping menjamin negara akan terus stabil dan aman. Komitmen Kerajaan ini dapat dilihat daripada berbagai-bagai rancangan dan projek yang telah dirangka dan dilaksanakan untuk negara seperti yang telah disebutkan tadi, iaitu Rancangan Malaysia Ketujuh, Pelan Induk Perindustrian Kedua dan Koridor Raya Multimedia. Jika berjayalah pelan-pelan ini maka bukan sahaja negara akan menjadi lebih maju tetapi semua rakyat akan turut menikmati kehidupan yang lebih selesa dan berkualiti.

9. Tetapi dalam sebuah negara demokratik yang mengamalkan ekonomi bebas atau ekonomi pasaran, Kerajaan semata-mata tidak akan dapat melaksanakan rancangan atau dasar tanpa penyertaan dan usaha oleh rakyat. Aman atau tidak negara ini bergantung kepada rakyat. Ternampak bahawa sekarang ini seolah-olah ada rakyat yang tidak senang dengan keamanan di

negara kita. Mereka sengaja cuba membuat sesuatu bagi memaksa pasukan keselamatan negara mengambil tindakan terhadap mereka. Apabila Kerajaan terpaksa bertindak di bawah undang-undang maka dapatlah mereka mengecam negara ini sebagai tidak demokratik kononnya. Dan rakan-rakan mereka di luar negara pun akan gembira kerana memang pun mereka ingin mencari sebab untuk memburukkan negara kita. Orang yang sengaja bersubahat dengan orang asing untuk menggugat kestabilan politik dan keamanan di negara kita nampaknya kurang bersyukur dengan nikmat yang mereka terima di negara ini. Ini tentulah jelas kerana kita tidak nampak apakah hasil yang positif daripada tindakan mereka. Apakah mungkin matlamat mereka kononnya untuk memelihara hak asasi manusia di negara asing akan tercapai? Yang jelas ialah mereka akan memburukkan hubungan kita dengan negara sahabat dan memalit lumpur di muka kita sendiri.

10. Apakah negara kita ini tidak prihatin akan hak asasi manusia? Tidakkah kita menghantar pasukan keselamatan kita ke beberapa negara termasuk Somalia dan Bosnia? Tidakkah kita dengan lantang mengecam pencabulan hak asasi manusia oleh kuasa-kuasa besar? Di manakah jaguh-jaguh yang ingin bela nasib manusia asing ini semasa Malaysia mempertahankan hak asasi manusia di merata pelusuk dunia?

11. Janganlah kita jadikan nasib malang orang lain untuk bersandiwara. Ada banyak lagi perjuangan yang serius yang perlu kita perjuangkan tanpa sengaja mengumpukan pasukan keselamatan untuk bertindak dan menjadikan negara ini sasaran kutukan oleh pihak tertentu.

12. Alhamdulillah, majoriti rakyat ingin hidup aman dan ingin bekerja dan berusaha untuk kesejahteraan hidup mereka. Jika ada sesuatu yang perlu diperjuangkan, gunalah saluran yang sedia ada. Insya-Allah, pihak lain termasuk Kerajaan akan bersedia untuk menyertai semua perjuangan yang mulia. Jika tidak ada, marilah kita semua tumpukan kepada pembangunan negara kita. Jika kita sudah jadi negara yang maju dan kukuh, kita hanya perlu bisik dan pihak lain akan mengambil berat bisikan kita.

13. Sementara itu marilah kita tumpukan kepada penguasaan ilmu dan teknologi yang canggih untuk melancarkan negara kita ke era Teknologi Maklumat. Kita telah banyak berjaya dalam usaha menjadikan negara kita negara industri pembuatan. Tetapi hari ini kita memasuki zaman IT, zaman 'information technology', zaman pekerja berpengetahuan atau 'knowledge worker'. Apakah dapat kita menguasai maklumat baru dan cara kerja yang tidak lagi memerlukan tenaga dan keringat, tetapi sebaliknya

memerlukan pengetahuan? Apakah kita mampu atau tidak?

14. Kerajaan telah bersiap sedia dengan penubuhan 'National Information Technology Council' atau Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat. Majlis ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua pihak, Kerajaan, swasta dan orang ramai akan arus perkembangan teknologi canggih yang perlu diperalatkan oleh rakyat dan negara.

15. Satu daripada rancangan yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat ialah menubuhkan Koridor Raya Multimedia, iaitu satu kawasan seluas 15 kilometer kali 50 kilometer dari Pusat Bandar Kuala Lumpur hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang. Dalam koridor ini akan dibangunkan Bandar Putrajaya dan 'Bandar Cyber' yang akan dilengkapi dengan segala infrastruktur komunikasi supaya segala urusan boleh dibuat melalui multimedia, iaitu suara, gambar, data dan semua maklumat lain. Dengan itu kegunaan surat-menyurat dan wang tunai akan dapat dikurangkan. Sebaliknya, segala urusan hidup seharian, pentadbiran Kerajaan dan urusanniaga dapat dibuat melalui komputer. Demikian juga industri akan menggunakan komputer yang boleh menghubungi seluruh dunia.

16. Inilah corak kehidupan yang akan diperkenalkan mula-mula di Koridor Raya Multimedia dan kemudian ke seluruh negara. Ini bermakna cara hidup kita akan bertukar. Sama ada kita dapat menyesuaikan diri dengan cara baru ini; sama ada kita akan perolehi kebaikan atau tidak, terpulang kepada kita. Tetapi percayalah, kita sebenarnya tidak mempunyai pilihan. Zaman maklumat akan memaksa kita mengubah cara hidup dan cara bekerja kita. Lebih awal kita sesuaikan diri kita, lebih cepat kita pelajari ilmu-ilmu baru ini, lebih baiklah masa depan kita.

17. Kita tahu bahawa hari ini kita kekurangan pekerja dan kita terpaksa bergantung kepada pekerja asing. Keadaan ini tidak sihat bagi kita. Ia menyekat peningkatan pendapatan kita. Selagi kita terus dengan teknologi lama, selama itulah kita akan ketinggalan sepertimana dahulu kita ketinggalan kerana kita terus dengan menanam padi dan menoreh getah. Hendak tidak hendak, kita perlu memasuki alam teknologi maklumat.

18. Kerajaan sedar masalah yang akan dihadapi oleh pekerja Malaysia. Tetapi jika kita sanggup mempelajari dengan bersungguh-sungguh, kita akan dapat menguasai teknologi baru ini. Kerajaan telah menubuhkan banyak universiti dan institusi pendidikan yang baru. Semua institusi ini akan mengadakan kursus dalam bidang teknologi maklumat

dan aplikasinya. Tempat kerja juga akan menyediakan peluang latihan bagi pekerja-pekerja yang berminat. Tidak syak lagi bahawa jika kita berjaya menguasai teknologi baru ini maka pendapatan kita juga akan turut meningkat. Sudah tentu ekonomi negara juga akan dapat tumbuh dengan pesat.

19. Sebenarnya ilmu baru ini bukanlah terlalu sukar dikuasai. Seperti biasa, tahap pengetahuan yang diperlukan bergantung kepada jenis-jenis kerja. Yang mudah akan memerlukan pengetahuan yang rendah dan yang canggih akan memerlukan pengetahuan yang

tinggi. Antara rakyat Malaysia memang ada yang mampu menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan. Yang diperlukan hanyalah kesanggupan untuk mempelajari dan menguasai ilmu-ilmu ini.

20. Sebenarnya, ramai rakyat Malaysia daripada semua kaum yang sudah pun dapat menguasai ilmu-ilmu ini sehingga mereka mendahului ramai rakyat negara maju. Oleh itu, tidak ada sebab mengapa rakyat Malaysia yang lain tidak boleh menguasai ilmu yang sama ke peringkat yang diperlukan. Yakinlah kepada kebolehan diri sendiri. Insya-Allah kita akan berjaya.

21. Dalam kita menuju ke arah zaman maklumat dan kemajuan yang diharapkan, kita tidak boleh lupa akan pentingnya negara kita terus aman dan stabil. Perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum mestilah diteruskan. Dasar-dasar negara yang menitikberatkan agihan kekayaan ekonomi secara sama rata, keadilan serta pegangan kepada nilai-nilai murni mestilah dijayakan dengan kerjasama semua pihak.

22. Dengan menghurai zaman teknologi maklumat dan apa yang sedang kita rancang untuk menangani perubahan-perubahan ini, apakah kita sudah lupa akan kemiskinan yang masih ada di kalangan kita? Untuk menjawab soalan ini kita patut bertanya apakah semasa kita ghairah dengan membina bangunan pencakar langit dan menara, lebuh raya ekspres, bandar mewah dan lain-lain, kita pernah mengurangkan usaha kita untuk membasmi kemiskinan? Tidakkah kita berjaya mengurangkan kemiskinan daripada lebih 40 peratus kepada 15 peratus? Tidakkah kita wujudkan peluang kerja begitu banyak sehingga kita terpaksa menerima pekerja asing? Bolehkah kita tunggu sehingga kemiskinan hapus sama sekali sebelum kita mengindahkan bandar-bandar kita, membersihkan longkang-longkang dan menanam pokok-pokok bunga?

23. Justeru itu apakah kita perlu tunggu hingga kemiskinan dihapuskan sama sekali sebelum kita gunakan peluang zaman maklumat untuk membangunkan lagi negara kita, melegakan kesesakan lalulintas di

Kuala Lumpur dengan memindah pusat pentadbiran, membina lapangan terbang baru dan lebuh raya? Kita bukan membina patung untuk memperingati diri kita, bahkan kita tidak pun menamakan tempat-tempat tertentu dengan nama pemimpin tertentu.

24. Kita harus fikir tentang perkara-perkara ini sebelum kita membenarkan diri kita dipengaruhi oleh mereka yang ingin menonjolkan keperihatinan mereka dengan memainkan isu-isu kemiskinan yang sedikit yang masih ada di kalangan kita.

25. Selaras dengan semangat Tahun Baru, marilah kita semua mempertingkatkan semangat dan azam untuk berusaha dengan lebih gigih lagi bagi membawa negara ke mercu kejayaan yang lebih tinggi. Insya-Allah dengan usaha yang lebih gigih dan kerjasama daripada semua lapisan rakyat, Malaysia dan rakyatnya akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun hadapan dan seterusnya.

26. Akhir kata saya ucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 1997 kepada semua rakyat Malaysia. Semoga tahun 1997 akan merupakan satu lagi tahun yang cemerlang bagi negara yang kita cintai ini dan kebahagiaan bagi kita semua.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.